

**DIARI SEORANG KELANA Catatan Sebenar *Survivor Landasan Kereta Api Maut.*** Oleh Halimi Ibrahim. 2022. Penerbit KayaCipta, Temoh, Perak. Halaman 568. ISBN 9789671773598.

*Diari Seorang Kelana* merupakan naskhah catatan pengalaman yang dilalui bersandarkan diari peribadi bertulisan jawi dalam empat buah buku latihan biasa tanpa tajuk tertentu. Buku ini disunting oleh Dr. Ahmad Jelani Halimi melalui proses transliterasi ke tulisan rumi. Namun, pada bahagian muka hadapan buku ini dicatatkan nama pemilik asal tulisan tersebut iaitu, Halimi Ibrahim.

Buku ini distrukturkan dalam 11 bab dan keseluruhan penceritaan berkisar kepada catatan perjalanan serta kehidupan seorang *survivor* landasan kereta api maut dari Tanah Melayu. Penulis menggunakan teknik imbas kembali dan imbas muka bagi menjadikan plot penceritaan lebih menarik. Metode yang digunakan bersandarkan sumber primer iaitu catatan diari peribadi penulis yang telah ditafsirkan kembali oleh penyunting iaitu Dr. Ahmad Jelani Halimi melalui proses transliterasi ke tulisan rumi tanpa mengubah maksud dan penceritaan. Dalam penulisan tersebut, Halimi begitu teliti dalam menggambarkan sesuatu keadaan, peristiwa dan tempat.

Pendahuluan buku ini membicarakan mengenai sejarah perjalanan hidup Halimi Ibrahim yang dilahirkan di daerah Talu, Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia. Kehidupannya sejak zaman persekolahan dan remaja di Tronoh serta beberapa tempat di daerah Kinta, Perak. Antara persoalan utama yang disampaikan ialah mengenai kemiskinan hidup yang menyebabkannya terpaksa melakukan banyak pekerjaan sehingga ke tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Malah, beliau terpaksa berkelana ke Siam (Thailand).

‘Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang,’ begitulah gambaran yang diberikan oleh Halimi tentang keadaan hidup keluarganya. Kemiskinan menyebabkan dia tidak berjaya melanjutkan pelajaran, walaupun beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dan pintar. Bagi menampung perbelanjaan sehariannya ke sekolah, dia memasang pancing di lombong tinggal. Ikan yang diperoleh akan diserahkan kepada bapanya untuk dijual. Walaupun jarak di antara rumah dan sekolah agak jauh namun dia tetap ‘meranduk’ dengan berlari kerana tidak mahu terlewati sampai ke sekolah. Hal ini kerana dia menyedari kepentingan pelajaran. Ibu bapa Halimi mengambil upah menorah getah di kebun orang dan dia kerap membantu mengangkat susu getah yang ditoreh. Beberapa kali juga dia hendak diberhentikan daripada bersekolah, namun keengganannya dan ketekunannya menyebabkan dia tamat darjah lima. Halimi berkawan dengan rakan-rakannya yang nakal hingga ponteng sekolah. Dia merayau merata-rata tempat, mandi di lombong, menghisap curut @ cerut, melastik dan membakar rumah orang Cina yang sering memarahinya.

Tumpuan bab ketiga ialah mengenai Halimi yang berkongsi modal dan membuka sebuah kedai kopi bersama dengan abang saudaranya namun mengalami kerugian serta ditutup selepas enam bulan kemudian. Kisah rakan karibnya iaitu Ishak dan Saat yang mewarnai kehidupan remajanya dengan bersama-sama menonton wayang, bermain senjata seperti pisau dan pedang, serta sesekali ke Gopeng dan Tambun bagi menikmati keindahan ‘gunung-gunung batu.’ Ketika berusia 14 tahun, pekerjaan pertamanya adalah sebagai kuli kapal pengorek bijih di *Malayan Tin Batu Gajah* dan akhirnya sebagai *Fire Brigade* di Ipoh. Perwatakannya yang agresif menyebabkan sering berlaku perbezaan pendapat dan perkelahian kecil sehingga menyebabkan dia hilang pekerjaan.

Halimi berkesempatan menimba pengalaman di *Perak Hydraulic* sebagai penjaga motor di lombong bijih timah sebelum bekerja dengan individu berbangsa British di Cameron Highlands. Sikapnya yang mudah mesra menyebabkan Halimi diterima bekerja di *Forest Department, Tronoh* dengan bayaran gaji sebanyak 45 sen sehari. Episod keremajaannya bermula apabila mencintai seorang gadis yang bernama Timor.

‘... hati saya kini mula bertukar ganti dengan cinta tanah air sehingga saya telah melupakan dunia muda saya,’ kata Halimi dan menjadi mukadimah dalam bab empat. Bab ini mengungkapkan tentang persoalan kepentingan pendidikan, nilai kasih sayang, nasionalisme dan pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu. Dalam amanatnya, Halimi menekankan kepentingan pendidikan dan setiap perkara yang dilakukan perlu dilaksanakan sehingga sempurna dan tidak separuh jalan. Turut dicatatkan ialah mengenai kepentingan bersangka baik terhadap orang lain dan jangan berseteru termasuk pengalaman diseksa oleh tentera Jepun. Perasaan cinta terhadap tanah air diterjemahkan oleh Halimi apabila terlibat dalam Persatuan Indonesia-Penang. Bahang Perang Dunia Kedua bermula pada 8 Disember 1941. Menjelang 12 Disember 1941, kedengaran letupan berturut-turut di kota Ipoh. Keadaan huru-hara digambarkan melalui peristiwa seorang perempuan berlari tanpa berpakaian sempurna untuk mencari tempat perlindungan.

Bab seterusnya adalah berkaitan pergolakan, kezaliman komunis dan persekitaran tidak selamat kerana sering menjadi sasaran gerila komunis di Tronoh. Halimi mengambil kesempatan memperoleh tiga pucuk pistol yang ditinggalkan oleh British ketika berlaku serangan tentera Jepun. Senjata tersebut digunakan untuk mempertahankan diri termasuk menembak gerila komunis yang mengancam keselamatan. Desakan kehidupan menyebabkan Halimi terpaksa berpindah-randah dan bekerja sebagai tukang kayu di *Public Works Department* sebelum ke Pekan Chendawan untuk menjadi penarik lanca. ‘Waktu malam menjadi buaya darat’ menjadi tajuk bagi bab 6. Keseluruhan penceritaan mengisahkan *survival* hidup Halimi yang bekerja di *Park Show, Shelyshil Hotel* atau *Shelysel Cabaret* yang merupakan rumah judi terbesar di kota Ipoh. Ketika ketiadaan pelanggan, Halimi akan bermain judi dan menang beribu-beribu ringgit. Pendapatan yang diterima agak lumayan kerana dia bekerja tidak kurang daripada 30 meja judi. Bagi menghilangkan kebosanannya, Halimi sering menari *rumba di cabaret* bersama dengan pelayan wanita. Dia ditangkap dan diikat di sebatang pohon kelapa selama lapan hari tanpa diberi makanan dan hanya sekadar diberi minum air hujan. Dia juga menjadi mangsa penipuan kekasihnya Sun Li yang hanya mementingkan kebendaan.

Bab tujuh memerihalkan kisah Halimi meninggalkan Tanah Melayu dari Stesen Tanjung Rambutan. Halimi merasa sangat sebak apabila terpaksa meninggalkan keluarga, rakan-rakan dan kekasih bagi mengubah kehidupan. Sebelum berangkat, dia meninggalkan beberapa pesanan penting yang disampaikan kepada adik angkatnya Kamin. Antaranya ialah menyampaikan salam dan makluman pesanan kepada ibunya bahawa dia telah berangkat ke Siam. Digambarkan suasana dalam gerabak kereta api dipenuhi dengan pelbagai ragam manusia seolah-olah sangat gembira termasuk rakan-rakannya yang lain namun tidak bagi Halimi. Perjalanan hanya berbekalkan duit siling lima sen British kerana pihak tentera Jepun telah berjanji akan membayar sebanyak dua puluh ringgit apabila sampai ke stesen kereta api tetapi tidak ditunaikan sebaliknya cap ibu jari setiap seorang diambil oleh tentera Jepun semasa hendak memasuki ke dalam gerabak kereta api. Perjalanan kereta api bergerak ke Bukit Mertajam dan Padang Besar sebelum tiba di Siam. Ketika

dalam perjalanan dia memegang dua buah buku tulisan tangan dan sekeping gambar bekas kekasihnya bernama Timur yang telah berumahtangga terjatuh dari salah satu buku tersebut. Segala pujuk rayu tentera Jepun hanya dibibir. Kebiadapan tentera Jepun terserlah dalam perjalanan apabila hanya diberi makan nasi berlaukkan khinzir bercampur taugeh. Halimi yang menyedari situasi ini meminta sedikit garam halus untuk di makan bersama dengan nasi. Setelah menempuh perjalanan selama enam hari, mereka tiba di Banpong dan dibawa ke sebuah tempat persinggahan yang tidak jauh dari pekan tersebut serta di tepi sebuah kampung. Lokasi tersebut adalah bekas pondok askar yang beratapkan lalang. Halimi mengambil kesempatan berbual dengan masyarakat Siam dan memberitahu bahawa perjalanan mereka hingga ke Muangkok atau Chiangmai bertujuan membina jalan kereta api. Orang Siam menyatakan bahawa jarak perjalanan yang perlu dilalui sangat jauh dan terdapat pelbagai ‘penyakit perut’ di mana setiap hari terdapat beratus-ratus kematian. Penulis turut menceritakan pengalaman bersama askar Jepun dan pelbagai kerja yang dilakukan seperti menjadi tukang masak, tukang rumah, tukang masak air panas, mandur dan lain-lain lagi.

Penceritaan dalam bab lapan hanya berkisar dalam tempoh 13 bulan ketika berada di Siam pada 11 April 1943. Bab ini menceritakan tentang pengalaman hidup merantau bersama sahabatnya iaitu Harlatik, Dapit dan Mas Udin dengan masyarakat Keriang. Apabila tiba di kawasan perkampungan, mereka dijamu dengan makanan berlaukkan daging, katak yang besar dan diberikan sebuah rumah. Mereka disantuni oleh Ong Sing Bitma yang merupakan ketua atau penghulu dan tiga orang anaknya iaitu Sang Nagah Puma, Sang Wita Puma serta Sang Michak Puma. Fizikal orang Keriang berbadan gempal dan pendek, kulit menyerupai orang Burma dan kebanyakannya wanita berkulit putih seakan-akan orang Melayu. Halimi bersama dengan rakan-rakannya berusaha untuk membantu penduduk kampung kerana diancam oleh tentera Jepun. Dalam beberapa siri pertempuran, Halimi bertindak sebagai ‘guru orang kampung’ kerana mengajar teknik menggunakan senjata. Dalam pertempuran, mereka memperoleh barang rampasan seperti pistol, peluru, kasut kulit, seluar, baju dan topi tentera Jepun.

Sebagai penghargaan dan membalas jasa penduduk Kampung Rebung Buluh, dia dikahwinkan dengan Mamin Yop, seorang gadis Keriang di dalam pagoda. Majlis tersebut berlangsung selama tiga hari tiga malam yang diserikan dengan hiburan dan jamuan sembelihan daging kerbau. Selepas melangsungkan perkahwinan, dia membina sebuah rumah buluh berasingan bersama dengan penduduk kampung. Kemahiran yang dimiliki oleh Halimi dalam menghasilkan ladang kuda menyebabkan usaha membentuk satu pasukan berkuda yang menggunakan senapang, tombak dan pedang serta latihan di dalam hutan buluh.

Halimi memohon kebenaran dari Ong Sang Bitma untuk meninggalkan kawasan perkampungan, walaupun sedih dengan kehilangan rakannya, Pias yang terkorban. Pada pagi keberangkatan, dia bersama rakan-rakannya dibawa ke pagoda dan menjalani ritual yang diketuai oleh sami pagoda. Penduduk kampung menghantar mereka ke sampan dan disusuli tangisan khususnya oleh isterinya yang akan ditinggalkan. Setelah sembilan hari dalam perjalanan, mereka sampai ke Taknum dan menumpang di rumah kuli gudang bijih besi Siam. Halimi bekerja sebagai kuli mengangkat bijih dari setor ke tongkang. Pekerjaannya hanya bertahan selama dua hari sahaja sebelum bekerja menjaga kebun sayur. Selepas itu, mereka bekerja sebagai penebang balak di Pachami. Pada 10

Mac 1944, dengan pertolongan rakan iaitu Nai Syawardi, Halimi dan rakannya bekerja di tempat memasak daging tin dan ikan sardin yang dimiliki oleh orang Jepun di Bangkok.

Penceritaan diteruskan dalam bab sembilan dengan episod Halimi melarikan diri ke Indonesia dengan menumpang kapal. Perkenalan Halimi dengan beberapa orang anak kapal menyebabkan beliau menggunakan kesempatan menjalankan perniagaan barang pasaran gelap seperti rokok. Dia berjaya menumpang kapal *Kesibwa Maru Yang Kedua* pada 11 Mei 1944, milik kompeni Jawa Ungku secara bersembunyi. Pada waktu siang atau di pelabuhan, mereka bersembunyi di tempat kayu api dan keluar makan di buritan kapal pada waktu malam. Keseronokan dalam pelayaran menyebabkan Halimi terlupa seketika mengenai matlamat asalnya untuk pulang ke Malaya. Dalam pelayaran ke Jawa, kapal tersebut melewati Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan terus ke Singapura.

Kota Jawa digambarkan begitu indah dan seperti biasa Halimi meneruskan pekerjaan dengan menjadi peniaga barang pasaran gelap. Setelah hampir dua minggu berada di situ, dia berkenalan dengan seorang gadis hartawan peranakan Aceh campuran Jawa yang bernama Jusnani iaitu anak kepada Doktor Shaharudin. Hubungan baik dengan Doktor Shaharudin memberi peluang kepada Halimi untuk bertugas sebagai peon di rumah sakit dan berkahwin dengan Jusnani. Pelayaran Halimi seterusnya ialah dari Jakarta ke Tanjung Periok dan ke Singapura. Dia menggunakan nama panggilan sebagai Jelani dalam pelayaran kerana menjadi buruan. Halini sampai di Bangkok pada 7 September 1944 dan tinggal selama tiga hari sahaja sebelum memuatkan dagangan peluru serta ubat bedil. Turut diceritakan mengenai cabaran yang dilalui oleh Halimi iaitu kisah kapal rosak yang menyebabkannya tersadai di laut dan di pulau selama 21 hari. Halimi terpaksa makan ketam kecil hidup dan monyet yang dibakar.

Bahagian terakhir dalam buku ini ialah mengenai pelayaran Halimi ke Pulau Pinang berhampiran dengan Pulau Bidaan. Kapal mereka ditahan oleh tentera kerana disyaki sebagai anti-Jepun dan dia kemudian dipenjarakan di Pulau Pinang selama seminggu sebelum dibebaskan serta bekerja semula di sebuah kapal tangki minyak. Kapal tersebut belayar ke Borneo, Sandakan, Singapura Teluk Manila dan Jakarta. Halimi menggunakan gelaran *Steerman* iaitu dari nama seorang yang berasal dari darah raja-raja Jawa, Radin Sunarsuki Artu. Halimi mengambil kesempatan untuk bertemu dengan isteri dan anaknya yang baharu lahir bernama Halimun Jelani. Perjalanan pulangnya dihantar oleh anak isteri dan keluarga mertua dengan diiringi tangisan. Pelayarannya sampai ke Kota Raja (Banda Aceh) dan berkenalan dengan Haji Omar Sabuki iaitu seorang nelayan. Berita kekalahan tentera Jepun diisytiharkan pada September 1945 dan Halimi teringatkan keluarga di Indonesia dan Malaya. Halimi menggunakan peluang bekerja di kapal pembersih periuk api milik British yang belayar ke Pulau Pinang kerana ingin bertemu dengan ibu bapa dan saudaranya.

Bahagian terakhir bab ini memerihalkan kisah Halimi yang berjaya kembali ke Tanah Melayu dan bekerja dengan kerajaan British sebagai anggota *Forest Guard* di *Forest Department Perak* di Batu Gajah. Dalam bab ini juga dicatatkan mengenai kelahiran dua orang puteranya melalui perkahwinan kedua bersama Halimah binti Adnan iaitu Ahmad Jelani dan Hasni Tamrin. Penulis turut memberikan nasihat mengenai kepentingan pendidikan dalam kehidupan seharian. Penutup catatan harian Halimi terhenti pada 26 Julai 1948 ketika berusia 28 tahun. Catatan perjalanan

hidupnya ditamatkan tidak jauh dari tarikh beliau terkorban dalam serangan bersenjata oleh komunis di Tanjung Tualang, Perak. Dalam serangan tersebut, dada Halimi ditembusi dua butir peluru *rifle* dan enam lubang kecil peluru penabur *buckshot* di tepi tengkuknya. Bahagian belakang mayat Halimi hancur dimamah peluru *rifle* yang tembus keluar. Jasad Halimi selamat disemadikan di sebelah pusara arwah ayahnya, Ibrahim bin Toba yang meninggal dunia kira-kira tiga bulan lebih awal di tanah perkuburan Islam Changkat Tempurong, Tanjung Tualang, Perak.

Perkembangan penulisan autobiografi Melayu di Malaysia mengalami pasang surut berikutan faktor budaya dan *worldview* masyarakat. Minat masyarakat dalam menghayati naskah seumpama ini juga semakin terhakis. Walau bagaimanapun, dengan pembaharuan dan pendekatan yang digunakan diyakini boleh mengangkat martabat karya-karya tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Seharusnya naskhah ini menjadi tatapan dan rujukan dalam menelusuri penulisan autobiografi di Malaysia. Naskhah ini juga tidak lekang daripada kelemahannya namun catatan hidup ini sangat bernilai bagi seseorang sejarawan. Penulisan naskhah ini agak serius dan mendebarkan tetapi diselitkan juga elemen romantik. Bagi memahami naskhah ini dengan baik, sebaiknya pembaca perlu mempunyai pengetahuan sejarah bermula sebelum berlakunya proses penjajahan, zaman penjajahan British, pendudukan Jepun dan legitimasi komunis. Secara keseluruhannya, olahan dan perbincangan digarap dalam bentuk penceritaan biasa bagi memudahkan pemahaman pembaca. Penggunaan gaya bahasa lama dan baharu digabungkan agar mudah difahami. Karya ini lengkap sifatnya dan mempunyai kekuatan tersendiri kerana dihasilkan berdasarkan catatan sebenar penulis ketika Perang Dunia Kedua. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan umum kerana dapat memberikan gambaran komprehensif mengenai kesulitan hidup yang dihadapi oleh penduduk Tanah Melayu ketika pendudukan tentera Jepun serta komunis.

## Rujukan

- Ahmad Boestamam. (1972). Merintis jalan ke puncak. Penerbitan Pustaka Kejora.
- Mahathir Mohamad. (2012). *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*. MPH Group Publishing.
- Abu Hassan Abdul, Wahibah Twahir. (1985). Penulisan karya autobiografi Melayu di Malaysia dan Indonesia: Perkembangan, isu dan pembaharuan. *Perspektif*, Vol. 4., no. 1, 22-45.

## **Mohamed Ali Haniffa (Prof. Madya Dr)**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia

## **Ayu Nor Azilah Mohamad**

Fakulti Sains Sosial  
Universiti Islam Selangor